



Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan menawarkan program-program bagi sesi akademik 2023/2024:

## **PROGRAM DOKTOR FALSAFAH PERGURUAN UGAMA**

### **PROGRAM PENGAJIAN**

- (801) Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Usuluddin)
- (802) Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Syariah)
- (803) Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Pendidikan Islam)
- (804) Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Sejarah dan Tamadun Islam)
- (805) Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Bahasa Arab)
- (806) Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Kajian Ahli Sunnah Wal Jamaah)
- (807) Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Sastera Islam)
- (808) Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Fiqh al-Usrah)

### **SYARAT KEMASUKAN**

1. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
  - i. Ijazah Sarjana Perguruan Ugama dari KUPU SB.
  - ii. Ijazah Sarjana dalam bidang pendidikan atau Pengajian Islam atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.
  - iii. Mempunyai kelayakan ikhtisas dari badan profesional yang diiktiraf.
  - iv. Kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

2. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

### **TEMPOH PENGAJIAN**

1. Sepenuh Masa: 3-4 tahun (6-8 semester biasa).
2. Separuh Masa: 3-6 tahun (6-12 semester biasa).
3. Tempoh yang ditetapkan Senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

## **MOD PENGAJIAN**

### **Mod A:** Tesis sahaja

Bagi pemegang Sarjana Perguruan Ugama atau yang sebanding dengannya sahaja.

### **Mod B:** Kerja Kursus dan Disertasi

B1 - Pemegang Sarjana Pengajian Islam

B2 – Pemegang Sarjana Pendidikan

## PROGRAM SARJANA PERGURUAN UGAMA

### PROGRAM PENGAJIAN

- (701) Sarjana Perguruan Ugama (Usuluddin)
- (702) Sarjana Perguruan Ugama (Syariah)
- (703) Sarjana Perguruan Ugama (Pendidikan Islam)
- (704) Sarjana Perguruan Ugama (Sejarah dan Tamadun Islam)
- (705) Sarjana Perguruan Ugama (Bahasa Arab)
- (706) Sarjana Perguruan Ugama (Kajian Ahli Sunnah Wal Jamaah)
- (707) Sarjana Perguruan Ugama (Sastera Islam)
- (708) Sarjana Perguruan Ugama (Fiqh al-Usrah)

### SYARAT KEMASUKAN

1. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
  - i. Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00.
  - ii. Mana-mana Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.
  - iii. Bagi mod Tesis Penuh, Pemohon hendaklah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.50 dan ke atas atau yang sebanding dengannya.
2. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

#### Maklumat/syarat tambahan:

1. **Pemohon matang:** Jawatankuasa Kemasukan KUPU SB boleh mempertimbangkan permohonan sebagai pemohon matang tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - i. Mempunyai pengalaman bekerja dengan kerajaan atau swasta dalam bidang yang bersesuaian tidak kurang daripada lima (5) tahun.
  - ii. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda ATAU yang setara dengannya.

- iii. Lulus dalam ujian kelayakan (jika perlu).

## **TEMPOH PENGAJIAN**

1. Sepenuh Masa: Minimum satu setengah ( $1 \frac{1}{2}$ ) tahun atau tiga (3) semester biasa dan maksimum dua (2) tahun atau empat (4) semester biasa.
2. Separuh Masa: Minimum satu setengah ( $1 \frac{1}{2}$ ) tahun atau tiga (3) semester biasa dan maksimum empat (4) tahun atau lapan (8) semester biasa.
3. Tempoh yang ditetapkan Senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

## **BAHASA PENGANTAR**

Bahasa pengantar kursus-kursus dalam program ini adalah Bahasa Melayu. Dalam penyiapan projek, disertasi atau tesis, calon boleh memilih sama ada Bahasa Melayu, Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris dalam penulisan.

## **MOD PENGAJIAN**

### **Mod A:** Tesis sahaja

Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB dengan PNGK 3.50 dan ke atas atau yang sebanding dengannya sahaja ATAU Lulusan Sarjana Muda dan memiliki Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah dari KUPU SB.

Bagi bidang Bahasa Arab, hendaklah mempunyai Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab) dari KUPU SB dengan PNGK 3.50 dan ke atas atau yang sebanding ATAU Lulusan Sarjana Muda Pengajian Islam/ Bahasa Arab dan memiliki Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah dari KUPU SB.

### **Mod B:** Kerja Kursus dan Disertasi

- i. B1 - Pemegang Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB dengan PNGK 3.00 dan ke atas atau yang sebanding dengannya.
- ii. B2 - Pemegang Sarjana Muda Pengajian Islam atau Bahasa Arab dengan PNGK 3.00 atau Jayyid dan ke atas atau yang sebanding dengannya.

- iii. B3 - Pemegang Sarjana Muda Pendidikan dengan PNGK 3.00 atau Jayyid dan ke atas atau sebanding dengannya (bagi bidan Bahasa Arab, calon hendaklah mempunyai latar belakang/ kemahiran Bahasa Arab).

## **PROGRAM DIPLOMA PERGURUAN UGAMA LEPASAN IJAZAH (DPULI)**

### **PROGRAM PENGAJIAN**

- (751) Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah.
- (752) Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (Pengajaran Bahasa Arab Bagi Penutur Bukan Arab

### **SYARAT KEMASUKAN**

Memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam atau yang sebanding dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

### **BAHASA PENGANTAR**

Bahasa pengantar dalam program ini adalah Bahasa Melayu. Sementara Bahasa Arab dan Inggeris akan digunakan bagi mata kursus yang relevan.

Manakala bagi program Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (Pengajaran Bahasa Arab Bagi Penutur Bukan Arab) bahasa pengantar yang akan digunakan ialah Bahasa Arab.

### **TEMPOH PENGAJIAN**

1. Sepenuh masa: 1 tahun (2 Semester).
2. Separuh masa: 1-2 tahun (2-4 Semester).
3. Tempoh yang ditetapkan Senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

## PROGRAM SARJANA MUDA PERGURUAN UGAMA

### PROGRAM PENGAJIAN

- (601) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) - dengan minor
- (602) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab)
- (603) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan)
- (604) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Tekno-Keusahawanan)
- (605) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Keusahawanan Digital)

### SYARAT UMUM

1. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
  - i. Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dari KUPU SB atau yang sebanding dengannya.
  - ii. Diploma 'Aliyah Qiraat dari ITQSHHB atau yang sebanding dengannya.
  - iii. STPUB: Lulus dalam Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB).
  - iv. A Level: Lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran dengan memperolehi sekurang-kurangnya pangkat 'C' termasuk salah satu daripadanya Usuluddin atau Syariah dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Ugama Brunei (SSRU) atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya.
2. Calon dikehendaki:
  - i. Boleh membaca al-Qur'an dengan baik.
  - ii. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.
  - iii. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

### SYARAT KHAS :

1. Bagi Program **(602) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab)**, pemohon adalah dikehendaki mendapat sekurang-kurangnya pangkat JAYYID dalam Lughah Arabiyyah dan Qawa'id Arabiyyah atau yang sebanding dengannya.

2. Bagi Program **(603) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan)**; calon dikehendaki lulus dalam mata Pelajaran Bahasa Inggeris dalam Brunei-Cambridge GCE “O” sekurang-kurangnya gred C6 atau yang sebanding dengannya, dan dikehendaki lulus dalam ujian; kecerdasan fizikal dan mental, dan psikometrik.
3. Bagi Program **(604) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Tekno-Keusahawanan)**; dan **(605) Sarjana Muda Perguruan Ugama (Keusahawanan Digital)**, calon dikehendaki lulus mata Pelajaran Bahasa Inggeris dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat “O” sekurang-kurangnya gred C6 atau yang sebanding dengannya, dan dikehendaki lulus dalam ujian psikometrik.

### **MAKLUMAT/ SYARAT TAMBAHAN**

Pemohon matang: Jawatankuasa Kemasukan KUPU SB boleh mempertimbangkan permohonan sebagai pemohon matang tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang daripada lima (5) tahun.
2. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
  - i. Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran ugama dalam Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan memperolehi Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid.
  - ii. Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran sama ada Syariah atau Usuluddin dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat ‘A’ yang sebanding dengannya.
  - iii. Memperolehi sekurang-kurangnya kepujian empat (4) mata pelajaran dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat ‘O’ termasuk Pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu.
  - iv. Lulus Sijil Latihan Perguruan Ugama atau yang sebanding dengannya daripada institusi-institusi pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan.
3. Lulus dalam ujian kelayakan.

### **TEMPOH PENGAJIAN**

1. Sepenuh masa: 4 tahun (8 semester).
2. Separuh masa: 4-7 tahun (8-14 semester).  
Senat boleh mempertimbangkan tempoh minimum dan maksimum pengajian mengikut kesesuaian.

## **BAHASA PENGANTAR**

1. Bahasa pengantar adalah dalam Bahasa Melayu. Sementara Bahasa Arab akan digunakan bagi kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi kursus Bahasa Inggeris.
2. Bagi Program Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), bahasa pengantar bagi kursus-kursus pengajian Islam adalah dalam Bahasa Arab.

## **SENARAI MINOR (tertakluk kepada penawaran)**

- Pengajian al-Quran Dan al-Sunnah
- Falsafah Dan Pemikiran Islam
- Dakwah Dan Kepimpinan
- Usul Fiqh
- Pendidikan Keluarga Islam
- Kewangan Islam
- Fiqh Ahwal Syakhsiyah
- Pendidikan Awal Kanak-kanak
- Bimbingan Dan Kaunseling
- Pendidikan Khas
- Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam
- Pendidikan Bahasa Melayu dan Sastera Islam
- Pendidikan Sains Kesihatan Islam
- Pendidikan Kesenian Islam
- Pendidikan Melayu Islam Beraja
- Keusahawanan Dalam Pendidikan Islam
- Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah
- Fiqh Ahli Sunnah Waljama'ah
- Tasawuf Ahli Sunnah Waljama'ah
- Dakwah dan Isu Kontemporari

## **PROGRAM DIPLOMA TERTINGGI PERGURUAN UGAMA**

### **PROGRAM PENGAJIAN**

- (501) Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam)
- (502) Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab)

### **SYARAT KEMASUKAN**

1. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
  - i. Diploma Perguruan Ugama dari KUPU SB atau yang sebanding dengannya.
  - ii. A Level: Lulus sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran sama ada Usuluddin atau Syariah dalam Brunei-Cambridge GCE 'A' atau yang sebanding dengannya, dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Ugama Brunei (SSRU) atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya.
  - iii. Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB): Lulus sekurang-kurangnya Aggregate 20 dan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid Jiddan dalam mata pelajaran al-Quran al-Kareem. Hanya pemohon yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya enam (6) mata pelajaran dengan pangkat Jayyid dan ke atas sahaja akan dipertimbangkan.
2. Calon dikehendaki:
  - i. Boleh membaca al-Qur'an dengan baik.
  - ii. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik
  - iii. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan

### **TEMPOH PENGAJIAN**

1. Sepenuh masa: 3 tahun (6 semester).
2. Senat boleh mempertimbangkan tempoh minimum dan maksimum pengajian mengikut kesesuaian.

## **BAHASA PENGANTAR**

1. Bahasa pengantar adalah dalam Bahasa Melayu. Sementara Bahasa Arab akan digunakan bagi kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bagi kursus Bahasa Inggeris.
2. Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Bahasa Arab), bahasa pengantar bagi kursus-kursus pengajian Islam adalah dalam Bahasa Arab.

## **PROGRAM DIPLOMA**

### **PROGRAM PENGAJIAN**

- (401) Diploma Pengajian Seni al-Qur'an
- (402) Diploma Pengajian Kitab Turath
- (403) Diploma Pengajian Fiqh Al-Usrah
- (404) Diploma Kemahiran Jawi Dan Kaligrafi Islam
- (405) Diploma Pengajian Tauhid
- (406) Diploma Pengajian Tafsir dan Hadith
- (407) Diploma Pengajian Fiqh
- (408) Diploma Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh

### **SYARAT KEMASUKAN**

1. Memperolehi salah satu kelulusan berikut:
  - i. Sijil Latihan Perguruan Ugama atau sebanding dengannya.
  - ii. Mana-mana kelayakan yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.
2. Lulus dalam ujian kelayakan.

### **Maklumat/syarat tambahan:**

1. Bagi Diploma Pengajian Tauhid/Tafsir dan hadith/Fiqh/Fiqh dan Usul Fiqh, pemohon hendaklah berkhidmat sebagai Guru Ugama tidak kurang dari tiga (3) tahun.
2. Bagi Diploma Pengajian Seni Al-Qur'an:
  - i. Pemohon akan mengikuti ujian kelayakan yang khusus.
  - ii. Program adalah disasarkan kepada guru-guru, imam-imam dan orang awam yang berumur diantara 18 hingga 45 tahun.

### **BAHASA PENGANTAR**

Bahasa Melayu

## **TEMPOH PENGAJIAN**

**Sepenuh masa:** 1 tahun (2 semester).

**-TAMAT-**